

	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA MINIT MESYUARAT SENAT KALI KE-247 BIL. 9/2013	
	TARIKH	22 Disember 2013
	MASA	9.00 pagi
	TEMPAT	Bilik Mesyuarat Senat

HADIR**PENGERUSI**

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak
Naib Canselor

TIMBALAN NAIB CANSELOR

Prof. Dr. Hassan bin Ali
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Madya Dr. Abdul Malek bin Abdul Karim
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dr. Abdul Razak bin Saleh
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

PENOLONG NAIB CANSELOR

Prof. Dr. Rushami Zien bin Yusoff
UUM College of Business

Prof. Madya Datin Dr. Siti Alida John Abdullah
UUM College of Law, Government and International Studies

DEKAN**UUM College of Arts and Sciences**

Prof. Madya Dr. Engku Muhammad Nazri bin Engku Abu Bakar
Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

Prof. Dr. Najib bin Ahmad Marzuki
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial

Prof. Madya Dr. Mohd Izam bin Ghazali
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden

Prof. Madya Dr. Huda bt. Hj. Ibrahim
Pusat Pengajian Pengkomputeran

Prof. Madya Dr. Azman bin Yasin
Pembangunan Pelajar dan Alumni

UUM College of Business

Prof. Dr. Noor Azizi bin Ismail
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business

Prof. Dr. Kamil bin Md Idris
Pusat Pengajian Perakaunan

Prof. Dr. Yusnidah bt. Ibrahim
Dekan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan

Prof. Madya Dr. Zulkifli bin Mohamed Udin
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik

Prof. Madya Dr. Asmadi bin Mohamed Naim
Pusat Pengajian Perniagaan Islam

Dr. Ahmadasri bin Alaudin
Pembangunan Pelajar dan Alumni

UUM College of Law, Government and International Studies

Prof. Madya Dr. Samihah bt. Khalil @ Halim
Ghazali Shafie Graduate School of Government

Prof. Madya Dr. Mohd Azizuddin bin Mohd Sani
Pusat Pengajian Antarabangsa

Prof. Madya Dr. Rusniah bin Ahmad
Pusat Pengajian Undang-Undang

Dr. Basri bin Rashid
Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar

PENGARAH

Prof. Madya Dr. Azlina bt. Murad Sani
Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti

Dr. Aspalila bt. Shapii
Pusat Bahasa

Prof. Madya Dr. Hijattulah bin Abdul Jabar
Pusat Kerjasama dan Hal Ehwal Antarabangsa

Prof. Madya Dr. Hartini bt. Ahmad
Pusat Kerjasama Universiti-Industri

Prof. Madya Dr. Sany Sanuri bin Mohd. Mokhtar
Institut Pengurusan Kualiti

Prof. Madya Dr. Mohd Amy Azhar bin Hj. Mohd Harif
Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Dr. Fairol bin Halim
Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan

Dr. Kamarul Faizal bin Hashim
Pusat KoKurikulum

Dr. Ahmad Rizal bin Mazlan
Menjalankan Tugas Pengarah UUMKL

PROFESOR

Prof. Dr. Hajah Ku Ruhana bt. Ku Mahamud
UUM College of Arts and Sciences

Prof. Dr. Abdul Razak bin Yaakub
UUM College of Arts and Sciences

Prof. Ir. Dr. Che Sobry bin Abdullah
UUM College of Business

Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Kadir bin Lebai Din
UUM College of Law, Government and International Studies

Prof. Dr. Mohd Zaini bin Abdul Karim
UUM College of Business

Prof. Dr. Zakaria bin Abas
UUM College of Business

Prof. Dr. Ku Nor Izah bt. Ku Ismail
UUM College of Business

Prof. Dr. Nik Kamariah bt. Nik Mat
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business

EX-OFICIO

Encik Mohamad Akhir bin Hj. Yusuf
Pendaftar

Tuan Hj. Amron bin Man
Bendahari

URUSETIA

Encik Ahmad Rasidi bin Abdullah
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

Prof. Dr. Zurni bin Omar
Penolong Naib Canselor UUM College of Arts and Sciences

Prof. Dr. Norshuhada bt. Shiratuddin
Dekan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi

Dr. Muhammad Fuad bin Othman
Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni
UUM College of Law, Government and International Studies

Prof. Dr. Zulkhairi bin Md Dahalin
Pengarah Pusat Komputer

Dr. Mohd Sobri bin Don @ A. Wahab
Pengarah Pusat Pembangunan Eksekutif

Prof. Dr. Abdul Rahman bin Abdul Aziz
Profesor UUM College of Law, Government and International Studies

Prof. Dr. Rosli bin Mahmood
Profesor UUM College of Business

Prof. Dr. Nur Adiana Hiau bt. Abdullah
Profesor UUM College of Business

Prof. Dr. Mohd Rasid bin Hussin
Profesor UUM College of Business

Prof. Dr. Che Su bt. Mustaffa
Profesor UUM College of Arts and Sciences

Prof. Dr. Shahizan bin Hassan
Profesor Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business

Prof. Dr. Khulida Kirana bt. Yahya
Profesor UUM College of Business

Encik Salleh Hudin bin Mustaffa
Ketua Pustakawan

Encik Md. Rejab bin Md Desa
Penasihat Undang-Undang

A. ALUAN Pengerusi

Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran ahli mesyuarat dan seterusnya memaklumkan:

- g) pelajar telah menghantar surat rayuan untuk menyambung semula pengajian seperti surat yang diterima oleh pihak OYA Graduate School of Business bertarikh 21 September 2013. Surat rayuan pelajar adalah seperti di **Lampiran 1C**;
 - h) permohonan pelajar tersebut telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Lanjutan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business Bil. 08/2013 pada 30 September 2013 dengan keputusan menyokong pelajar diberi peluang menyambung semula pengajian dan dibawa ke Mesyuarat Senat untuk pertimbangan dan kelulusan;
 - i) permohonan pelajar juga telah dibincangkan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-246 Bil. 8/2013 pada 20 Oktober 2013 dengan keputusan "bersetuju menengguhkan keputusan untuk permohonan ini sehingga pelajar tersebut mengemukakan bukti yang kukuh bagi punca masalah yang berlaku". Oleh itu, permohonan pelajar sekali lagi dibawa ke Mesyuarat Senat dengan penjelasan lengkap dan dokumen yang berkaitan;
- ii. bersetuju meluluskan permohonan menyambung semula pengajian bagi pelajar Raju Ahmed (no. matrik: 814144) seperti yang telah dibentangkan.

**Dekan Othman
Yeop Abdullah
Graduate
School of
Business**

2.0 PERKARA-PERKARA UNTUK KELULUSAN SENAT

2.1 KERTAS KERJA BIL. 307/2013 - CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM DOCTOR OF MANAGEMENT (D.MGMT)

Mesyuarat

- i. mengambil maklum:
 - a) tentang kertas kerja Pusat Kerjasama Universiti-Industri untuk memohon pertimbangan dan kelulusan Senat berhubung cadangan penambahbaikan program *Doctor of Management* (D.Mgmt) di Universiti Utara Malaysia seperti yang dibentangkan;

- b) bahawa program *Doctor of Management* ini adalah merupakan program penyelidikan penuh di mana pelajar akan dinilai berdasarkan tesis yang dihasilkan pada akhir tempoh pengajian mereka. Program ini dibangunkan dengan tujuan untuk menghasilkan graduan yang mana hasilnya mampu melahirkan lebih ramai penyelidik dari pelbagai industri dan dapat menyumbang balik kepada bidang industri mereka sama ada dalam bentuk penemuan baru mahupun pengetahuan yang lebih berkualiti;
- c) bahawa program ini disasarkan kepada golongan profesional dan pengamal industri dengan tujuan untuk menghasilkan dan mempertingkatkan inovasi serta daya saing melalui penyelidikan berasaskan industry;
- d) hasil perbincangan di dalam Majlis Profesor UUM yang telah diadakan pada 31 Disember 2012, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dalam struktur program *Doctor of Management* iaitu dari segi **struktur program, syarat kelayakan pemohon, proses pemantauan pelajar, dan garis panduan tesis**. Justeru itu, Pengarah CUIIC telah membentangkan semula cadangan penambahbaikan *Doctor of Management* dalam Majlis Profesor UUM yang telah diadakan pada 15 Mei 2013;
- e) mesyuarat JKPA Ke-171 Bil. 3/2013 yang lalu, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh Jawatankuasa agar CUIIC **menyediakan maklumat berkaitan dengan perbezaan kriteria pemeriksa antara *Doctor of Management*, *DBA* dan *Ph.D*; menyediakan jadual carta alir yang terperinci; menyediakan jadual perbandingan antara penambahbaikan yang telah dibuat berbanding yang lama; dan mengadakan perbincangan dengan wakil Majlis Profesor berdasarkan teguran dari Majlis Profesor**;
- f) bahawa merujuk kepada audit pascasiswazah baru-baru ini, pihak auditor berpuas hati dengan pelaksanaan *Doctor of Management*. Walau bagaimanapun, pembahagian tugas dari sudut pelaksanaan di antara pusat pengajian siswazah dan CUIIC perlulah lebih jelas dan terperinci;
- g) bahawa kertas kerja penambahbaikan program *Doctor of Management* ini kemudiannya telah dibentangkan dalam mesyuarat JKPA Universiti Ke-172 Bil. 4/2013 pada 21 Julai 2013 yang lalu. Kertas kerja ini telahpun diluluskan dengan mengambilkira beberapa pandangan dan penambahbaikan;

h) bahawa objektif penambahbaikan program ini ialah:

1. Menambahbaik program *Doctor of Management* berdasarkan saranan daripada Majlis Profesor UUM dan JKPA Universiti.
2. Memastikan pengurusan dan perjalanan program *Doctor of Management* yang lebih efektif dan tersusun.
3. Memastikan program *Doctor of Management* berjaya mencapai matlamatnya dengan mengambilkira amalan terbaik (*best practices*) yang ada.

i) bahawa pelaksanaan program masa kini:

1. Proposal Defence

Struktur program sedia ada tidak mewajibkan pelajar menjalani sesi *Proposal Defence*. Pelajar perlu menjalani Bengkel Simposium sebagai ganti *Proposal Defence*.

2. Panduan Tesis

Panduan tesis yang digunakan sekarang adalah menggunakan panduan tesis dari Ph.D Konvensional.

3. Penerbitan

Pelajar D.Mgmt hanya perlu menerbitkan dua (2) jurnal akademik sahaja bagi mencapai keperluan Ph.D.

4. Syarat Kemasukan

Syarat kemasukan ke program *Doctor of Management* terbuka kepada semua pengamal industri yang berkeelayakan dengan mengambilkira kelulusan akademik dan pengalaman kerja.

5. Mode of Study dan Kerja kursus

Mode of study adalah *Fulltime Research Program* dengan pengambilan dua kerja kursus iaitu *Academic Writing* dan *Research Methodology*.

6. *Kriteria Pemeriksa*

Pada masa kini kriteria pemeriksa (*examiner*) adalah mengikut apa yang terdapat dalam Ph.D Konvensional.

j) bahawa perbandingan pelaksanaan program D.Mgmt adalah seperti berikut:

1. Perbandingan di antara **pelaksanaan program masakini** dengan **pelaksanaan yang dicadangkan** bagi program *Doctor of Management* adalah seperti di dalam portal Mesyuarat Senat.
2. Perbandingan di antara program ***Doctor of Management, DBA dan Ph.D*** adalah seperti di lampiran dalam portal Mesyuarat Senat.

k) bahawa cadangan penambahbaikan program adalah seperti berikut:

1. *Proposal Defence*

Para pelajar dicadangkan untuk diwajibkan menjalani *Proposal Defence* seperti mana pelajar-pelajar Ph. konvensional. Pengurusan proses *Proposal Defence* ini adalah di bawah tanggungjawab Pusat Pengajian dan Sekolah Siswazah. Carta Alir *Proposal Defence* adalah seperti di lampiran dalam portal Mesyuarat Senat.

2. *Panduan Tesis*

Panduan Penyediaan Tesis adalah seperti di lampiran dalam portal Mesyuarat Senat.

3. *Penerbitan*

Adalah dicadangkan agar hasil kajian para pelajar *Doctor of Management* selaku pengamal industri boleh diterbitkan di majalah-majalah profesional (selain daripada opsyen penerbitan di jurnal-jurnal akademik). Ini bagi membolehkan perkongsian maklumat dan hasil kajian yang lebih menyeluruh meliputi golongan sasaran yang bersesuaian.

4. *Syarat Kemasukan*

- Syarat kemasukan akademik akan menggunakan syarat kemasukan sedia ada seperti dalam buku panduan yang berkuatkuasa.

- Dari segi pengalaman kerja, syarat kelayakan adalah terbuka kepada calon yang memegang jawatan sekurang-kurangnya di peringkat pengurusan (*Managerial Level*) ataupun Senior Profesional seperti Akauntan, Peguam, Jurutera, Arkitek, Auditor dan Pakar Teknologi Maklumat di organisasi masing-masing.

5. Mode of Study dan Kerja Kursus

Mode of Study adalah dikekalkan beserta pengambilan dua kerja kursus (*Academic Writing* dan *Research Methodology*) bersesuaian dengan maklumbalas daripada pengamal industri. Dua kerja kursus tersebut akan diuruskan sepenuhnya oleh Sekolah Siswazah. Maklumat bagi dua kerja kursus di atas adalah seperti di lampiran dalam portal Mesyuarat Senat.

6. Aliran Proses dan Bidang tugas CUIC serta sekolah-sekolah siswazah

- Berdasarkan kepada keputusan dalam Minit Mesyuarat LPU yang ke-72 (bil. 2/2011) pada 29 Mac 2011, senarai tanggungjawab bagi aliran proses pengurusan program *Doctor of Management* adalah seperti di lampiran dalam portal Mesyuarat Senat.
- Walau bagaimanapun, terdapat perubahan dalam senarai tanggungjawab tersebut. Antaranya termasuklah tanggungjawab pelaksanaan kelas pembelajaran (*Academic Writing/ Research Methodology*) akan dipindahkan dari CUIC kepada Sekolah Siswazah yang berkaitan. Manakala urusan berkaitan MOU/MOA adalah di bawah tanggungjawab CUIC. Senarai cadangan tanggungjawab baru adalah seperti di lampiran dalam portal Mesyuarat Senat.

7. Kriteria Pemeriksa

Selain daripada syarat seperti mana yang terdapat dalam Ph.D konvensional, pemeriksa untuk program *Doctor of Management* hendaklah mempunyai pengalaman dalam industri yang berkaitan.

ii. bersetuju:

a) menerima dan meluluskan cadangan penambahbaikan program *Doctor of Management* (D.Mgmt) di Universiti Utara Malaysia seperti di ceraian i.(j) dan i.(k) di atas dengan pindaan berikut:

Pengarah
CUIC/Dekan
Pusat
Pengajian

1. **Syarat Kemasukan** - pemohon mestilah berkhidmat di industri berkaitan semasa memohon

2. **Penerbitan** - pelajar D.Mgmt perlu menerbitkan:

- Satu kajian kes **ATAU**
- Satu artikel dalam jurnal berwasit **ATAU**
- Satu paten produk *co-owned* by *candidate, supervisor(s)* dan UUM

3. **Kriteria Pemeriksa** – kekal dengan syarat sedia ada iaitu keutamaan diberi kepada Pemeriksa Luar yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam industri berkaitan;

4. Cartalir bagi proses reviva tidak perlu dimasukkan secara terperinci, gunakan proses cartalir sepertimana yang digunakan untuk *standard* proses Ph.D;

b) peraturan bagi penambahbaikan ini diterimapakai bagi pelajar baharu kemasukan Semester Kedua 2013/2014 (132);

c) pelajar lama adalah tidak tertakluk kepada peraturan berkaitan penerbitan;

d) pengurusan pelajar D.Mgmt ini diuruskan oleh tiga (3) *Graduate School*.

Dekan Graduate
School

e) menyediakan kertas cadangan jumlah minimum perkataan bagi tesis D.Mgmt dan dibawa ke mesyuarat Senat akan datang.

Pengarah
HEA

2.2 KERTAS KERJA BIL. 308/2013 - CADANGAN SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM SARJANA PENGURUSAN AWAM (MPM)

Mesyuarat

i. mengambil maklum:

- a) tentang kertas kerja Pusat Pengajian Kerajaan untuk memohon pertimbangan dan kelulusan Senat bagi cadangan semakan kurikulum program Ijazah Sarjana Pengurusan Awam seperti yang dibentangkan;
- b) bahawa peringkat pengajian dan mod pengajian Sarjana adalah secara:
- Kerja kursus.
 - Campuran kerja kursus dan penyelidikan
 - Penyelidikan
- c) bahawa program ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Senat UUM Ke-150 Bil. 2/2000 pada 26 Mac 2000 dan mendapat kelulusan Jabatan Pengajian Tinggi melalui surat KPT:KP.S(PT)7312/1/Jld.25(44) bertarikh 31 Januari 2001;
- d) bahawa satu semakan kurikulum telah diluluskan oleh Senat pada 14 Disember 2010 dan mula ditawarkan pada Semester Pertama Sesi 2011/2012;
- e) bahawa dicadangkan struktur baru hasil semakan kedua ini dimulakan pada Semester Kedua Sesi 2013/2014;
- f) bahawa tempoh pengajian bagi program ini secara sepenuh dan separuh masa adalah tertakluk kepada peraturan sedia ada.
- Kaedah Pengajaran dan Pengajaran
Kuliah, perbincangan kumpulan kecil, kajian kes dan pembentangan.
- g) bahawa justifikasi semakan kurikulum adalah:
1. Sektor awam menyumbang lebih 10% daripada tenaga kerja negara. Program Sarjana Pengurusan Awam menyediakan peluang melanjutkan pengajian kepada graduan Ijazah Pengurusan Awam dan ijazah-ijazah lain yang berkaitan serta perkongsian ilmu antara para pentadbir/pengurus di pelbagai agensi kerajaan, badan-badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan, syarikat-syarikat milik kerajaan dan syarikat-syarikat swasta.